

PERJANJIAN KERJA

Perjanjian kerja ini dibuat pada tanggal _____ bulan _____ tahun 20 ____ diantara:

(1) Pemberi Kerja

Nama Perusahaan :
Nama Penanggung jawab :

Alamat Perusahaan :
No. Telepon kantor :

No. Hp Penanggungjawab :

(2) Pekerja Migran Indonesia (PMI)

Nama :

Tempat/Tgl. Lahir :

Nomor Telp / Hp :

Alamat asal (Indonesia) :

Jenis Kelamin :

Nomor Paspor :

Nama Suami/Isteri/Orang Tua/Wali :

Alamat orang tua/suami/isteri wali :

Nomor Telp / Hp (keluarga) :

Isi Kontrak Kerja

Pihak _____ Pemberi _____ Kerja _____
_____ mempekerjakan PMI sebagai
Pekerja Am Binaan

Masa kontrak kerja 2 (dua) tahun ini sah bermula sejak pekerja tiba di Malaysia dan tertakluk tanggal kepada kelulusan PL(KS) oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia.

Masa kontrak kerja boleh dipanjangkan (*renewal*) selama satu (1) tahun ke satu tahun seterusnya dengan persetujuan kedua belah pihak (tertakluk kepada peraturan semasa pihak Imigrasi Malaysia), dan kontrak kerja **harus** mendapat pengesahan dari Kedutaan Besar/Konsulat Jeneral/Konsulat Republik Indonesia di Malaysia yang dimohonkan **tidak boleh kurang dari 3 (tiga) bulan** sebelum tempoh tamat tempoh permit kerja atau PL(KS).

Terms dan Syarat-Syarat Pekerjaan

1. Jawatan (*position*): *Construction Worker*

- Alamat tempat kerja di

2. Gaji Pokok Minimal : **RM 1,500.00** sebulan

- Pemberi Kerja wajib membayar gaji pekerja setiap bulan yang dimasukkan kepada akuan bank pekerja di Malaysia.
- Anggaran minimum gaji bersih

- a. Gaji pokok sebulan **RM 1500**
- b. Tolak gaji pendahuluan yang sudah dibayar **RM**
- c. Anggaran minimum gaji bersih
(tertakluk kepada kedatangan kerja) **RM**

- Amaun ini tidak termasuk bayaran elaun dan kerja lebih masa (*jika ada*).

3. Elaun Syif (*shift allowance*) : - sehari untuk syif malam sahaja

4. Elaun Kedatangan (Present allowance) : - sebulan (sekiranya kedatangan penuh)

Bekerja sesuai jawatan pada setiap hari bekerja dan cuti umum tanpa sebarang Cuti sakit, Cuti sakit tak bergaji, *Prolonged Illness, Hospitalization Leave*, Cuti tanpa gaji, Cuti bersalin, tidak hadir kerja tanpa cuti, Tidak hadir pada hari cuti Umum dan tidak hadir pada hari OT terjadwal. Bekerja genap 12 jam (rotating shift) atau 9.25 jam (normal shift) dalam jadual waktu kerja serta tiada kelewatan.

| | | |
|-----------------|-----------------------|------|
| Kehadiran penuh | Separuh bulan pertama | RM - |
| | Separuh bulan kedua | RM - |
| | Penuh sebulan | RM - |

5. Waktu Kerja :

| Shift | Mula Kerja | Habis Kerja |
|----------------|------------|-------------|
| Pagi – 12 jam | 7:00 pagi | 7:00 malam |
| Malam – 12 jam | 7:00 malam | 7:00 pagi |

- Mengikut Akta Kerja 1955, anda tidak dibenarkan bekerja lebih daripada 12 jam setiap hari dan perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 hari cuti dalam tempoh 7 hari.
- Jumlah jam kerja termasuk kerja lebih masa anda tidak boleh melebihi 60 jam dalam tempoh 7 hari kecuali dalam situasi kecemasan, luar biasa atau dengan kelulusan Pengarah Urusan.

6. Bayaran kerja lebih masa :

- Pemberi Kerja membayar bayaran kerja lebih masa (waktu kerja) kepada pekerja sesuai Akta Pekerja 1955

| | |
|---------------------------|-----------|
| Kerja hari biasa | 1.5 x ORP |
| Hari kerja OT dijadualkan | 1.5 x ORP |
| Hari Off | 1.5 x ORP |
| Hari Rehat | 2.0 x ORP |
| Cuti Umum | 3.0 x ORP |

- Kadar Bayaran Biasa(ORP) setiap jam = (Gaji pokok + elaun)/26 hari/8jam
- Waktu makan/rehat (**60 minit**) tidak termasuk dalam kadar bayaran kerja lebih masa.
- Dalam jadual kerja anda, jangkaan 4 hari kerja OT dijadualkan mengikut kadar bayaran kerja lebih masa ditetapkan mengikut arahan pihak Pemberi Kerja dan semua waktu kerja lebih masa perlu diluluskan terlebih dahulu.

7. Faedah Perubatan : Boleh mendapatkan khidmat perubatan di klinik yang berdaftar dengan Pemberi Kerja ini atau mana saja dan/ atau asuransi kesehatan.

8. Asuransi : Bayaran asuransi (insurance) setiap tahun ditanggung oleh Pemberi Kerja ini. Pemberi Kerja wajib bertanggungjawab atas kesehatan dan keselamatan pekerja selama tempoh kontrak kerja dengan membayar asuransi setiap tahunnya (FWIG, FWHS, SOCSO dan BPJS Ketenagakerjaan).

9. Cuti Tahunan : Pekerja layak mendapat cuti tahunan berdasarkan peruntukan di bawah:

| Tempoh perkhidmatan | Hari |
|------------------------------------|------|
| Kurang dari 2 tahun | 12 |
| 2 tahun tetapi kurang dari 5 tahun | 14 |
| 5 tahun tetapi kurang dari 8 tahun | 16 |

| | |
|--------------------------------------|----|
| 8 tahun tetapi kurang dari 10 tahun | 16 |
| 10 tahun tetapi kurang dari 15 tahun | 18 |
| 15 tahun atau lebih | 19 |

10. Cuti Sakit : Semua pekerja layak mendapat cuti sakit berbayar berdasarkan syarat-syarat berikut

| Tempoh perkhidmatan | Kelayakan |
|------------------------------------|-----------------|
| Kurang dari 2 tahun | 14 hari setahun |
| 2 tahun tetapi kurang dari 5 tahun | 18 hari setahun |
| 5 tahun ke atas | 22 hari setahun |

11. Cuti Umum : 10 hari, tertakluk kepada perubahan kebijakan Pemberi Kerja dan Aturan Pemerintah Malaysia

12. Lain-Lain Faedah :

- Bonus tahunan bukan wajib dibayar setiap tahun dan keputusan pemberian bonus bergantung kepada prestasi perniagaan pemberi kerja dan peraturan perusahaan . Pekerja yang mempunyai rekod disiplin tidak layak menerima bonus tahunan.
- Pemberi kerja menyediakan kemudahan asrama dan pengangkutan ulang-alik ke tempat kerja kepada pekerja.
- Asrama yang lengkap disediakan oleh Pemberi kerja mengikut Peraturan Perusahaan dan Peraturan Pemerintah Malaysia

13. Kos (Biaya) Pengambilan Pekerja :

- Kos pengambilan pekerja baru sebesar RM 3050 ditanggung dulu dengan Majikan dan akan dipotong gaji pekerja selama 8 bulan ($RM\ 400 \times 7 = RM2800$ dan bulan 8 RM250).
- Potongan gaji diluar kos ini tidak dibenarkan.

14. Biaya tanggungan Levi, proses dan visa

- Semua pembayaran levi, proses dan permit kerja Pekerja yang baru dan perpanjangan ditanggung oleh pihak Pemberi Kerja.
- Nota: Levi adalah tertakluk kepada ketetapan yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri Malaysia dan/ atau Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

15. Tanggungjawab Pekerja :

- Sekiranya kontrak pekerja tamat/berakhir, pekerja perlu memulangkan barangan hak milik Syarikat. Pekerja perlu membayar balik kos barangan jika pekerja gagal untuk memulangkan barangan tersebut mengikut jadual kos harga barangan syarikat.
- Sebagai pekerja di perusahaan ini, anda boleh dipindahkan ke mana-mana bahagian di dalam organisasi ini sesuai jawatan (position), keahlian dan sesuai visa kerja/PLKS. Anda juga perlu mematuhi sebarang perubahan pada corak shift dan waktu kerja yang diumumkan oleh pihak Syarikat pada bila-bila masa dan mengikut keperluan. Anda juga dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh pihak Syarikat sepanjang tidak melanggar peraturan Malaysia. Pindahan adalah dari jenis pekerjaan yang sama, jika ke lain pekerjaan maka akan diberikan pelatihan terlebih dahulu, sesuai dengan keahlian yang diperlukan.
- Pekerja mesti mematuhi undang-undang dan peraturan negara Malaysia.
- Anda juga perlu menjaga tatasusila pekerjaan di perusahaan. Sebarang tindakan anda semasa berkhidmat di perusahaan ini mestilah mencerminkan atau mendatangkan kebaikan kepada kedua-dua belah pihak.

16. Pemberhentian Kerja :

- Kontrak kerja ini boleh ditamatkan, sesuai dengan ketentuan, mengikut syarat-syarat tertera dalam Akta Kerja 1955 dan kontrak kerja.
- Sekiranya pekerja gagal memberi notis bertulis atau tidak membayar notis bertulis tersebut, pihak syarikat berhak mendapatkan jumlah tunggakan amaun notis gantian pekerja dengan tidak lebih daripada 60% daripada gaji pokok sebulan.
- Dengan tamatnya perjanjian ini atau pembatalan permit pekerja oleh Jabatan Imigresen Malaysia (tamat kontrak pekerja dengan baik) pihak syarikat wajib menyediakan tiket secara percuma untuk pekerja pulang ke daerah asalnya sehingga ke rumah kediaman di Indonesia.
- Jika penamatan kontrak diatas permintaan pekerja dan tidak menamatkan tempoh kontrak ini, maka segala pembiayaan pulang ke negara asalnya mestilah ditanggung oleh pekerja sendiri.
- Pihak Syarikat juga berhak pada bila-bila masa untuk menamatkan perkhidmatan anda tanpa membayar apa-apa pampasan jika anda melanggar perjanjian kerja ini atau melanggar kebijakan (policy) Syarikat. Dengan ini, segala pembiayaan pulang ke negara asalnya mestilah ditanggung oleh pekerja sendiri.
- Pekerja asing yang memegang permit kerja PL(KS) adalah tertakluk kepada syarat-syarat aturan Jabatan Imigresen Malaysia seperti berikut :-
 - tidak layak membawa masuk keluarga untuk tinggal di negara ini;
 - tidak dibenarkan bekerja sebagai barisan hadapan (*frontliner*)
 - tidak dibenarkan bertukar majikan atau bertukar sektor pekerjaan;
 - tidak dibenarkan berkahwin dengan warganegara Malaysia atau warganegara asing sepanjang memegang permit kerja PL(KS);

- Pekerja asing boleh membatalkan perjanjian kerja secara sepihak apabila syarikat mempekerjakan pekerja di syarikat lain atau alamat kerja yang tidak sesuai dengan yang disebutkan dalam permit kerja dan kontrak kerja.

Nota: Sekiranya pekerja melanggar mana-mana syarat-syarat PL(KS), pekerja boleh dihentikan/ditamatkan perkhidmatan permit pekerjaan PL(KS) serta merta dan di hantar pulang ke daerah asal dan kos biaya untuk pulang ditanggung sepenuhnya oleh pekerja tersebut.

17. Penghantaran Pulang Pekerja Ke daerah asal (*place of origin*) di Indonesia

- a. Pemberi Kerja akan membiayai tiket kepulangan sampai ke daerah asal dan menyediakan transportasi pengantaran dari tempat kerja ke bandara kepada Pekerja yang memenuhi syarat seperti berikut :
 - 1). Dalam hal Pekerja pulang setelah berakhir masa Perjanjian Kerja, Pemberi Kerja wajib menanggung biaya tiket pemulangan sampai ke daerah asal dan wajib menyelesaikan hak pekerja yang belum dipenuhi serta menginformasikan kepada Agensi dan Perwakilan Republik Indonesia di Malaysia.
 - 2). Dalam hal pekerja meninggal dunia, Pemberi Kerja wajib mengurus dan bertanggungjawab atas biaya pemulangan jenazah dan/barang-barang milik pekerja sampai ke daerah asal serta menyelesaikan hak pekerja yang belum dipenuhi dan wajib menyelesaikan hak Pekerja yang belum dipenuhi serta menginformasikan kepada Agensi dan Perwakilan Republik Indonesia di Malaysia.
 - 3). Dalam hal pekerja sakit dan tidak dapat disembuhkan, Pemberi Kerja wajib mengurus dan bertanggungjawab atas biaya pemulangan pekerja dan barang-barang milik Pekerja sampai ke daerah asal dan menyelesaikan hak pekerja yang belum dipenuhi, serta menginformasikan kepada Agensi dan Perwakilan Republik Indonesia di Malaysia

18. Jaminan Keamanan Dan Keselamatan

Pemberi Kerja wajib menyediakan alat kerja (PPE) dan memberikan jaminan keamanan dan keselamatan Pekerja Migran Indonesia (PMI) sejak Pekerja tiba di Malaysia dan selama masa bekerja di tempat bekerja dan sesuai ketentuan negara Malaysia.

19. Perjanjian Kerja dibuat dalam rangkap 2 (dua) asli 1 (satu) untuk Pekerja Migran Indonesia dan 1 (satu) untuk Pemberi Kerja / Syarikat dan masing-masing mempunyai kekuatan hukum yang sama.

Pemberi Kerja menghormati dan mematuhi semua undang-undang mengenai hak pekerja untuk kebebasan berkesatuan, hak pekerja untuk melibatkan diri daripada aktiviti tersebut tanpa diskriminasi, tindak balas, ugutan atau gangguan terhadap pekerja setelah pelaksanaan hak sedemikian. Pekerja bebas bersekutu, menyertai kesatuan buruh, mencari wakil atau menyertai majlis pekerja menurut undang-undang setempat.

Kontrak kerja ini diberikan kepada anda tanpa paksaan dan anda mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat semakan semua terma dan syarat yang terkandung dalam kontrak kerja ini.

Sepanjang tempoh perkhidmatan anda dan selepasnya, anda dikehendaki mematuhi dengan ketat kerahasiaan semua perkara yang anda ketahui mengenai urusan, kepentingan dan transaksi Syarikat atau mana-mana pihak lain yang bersangkutan dengan Syarikat dan anda tidak akan mendedahkan perkara-perkara tersebut melainkan jika diberi kebenaran untuk berbuat demikian oleh pihak Syarikat.

PEMBERI KERJA / SYARIKAT

PEKERJA MIGRAN INDONESIA

cop

Nama :
Jawatan :

Nama :
Nomor HP :

SAKSI I

SAKSI II

Nama :
Nomor Hp :

Nama :
Nomor Hp :

() warna merah dapat diubah atau aturan lain dapat ditambahkan sesuai kesepakatan kedua belah pihak*